

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

SOALAN NO. 340

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah pelajar tercicir di setiap negeri dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengurungnya sehingga ke tahap sifar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah kerajaan baharu akan meneruskan usaha untuk mengurangkan kadar keciciran murid di negara ini, untuk makluman, pada tahun 2018 peratus keciciran murid sekolah rendah adalah 0.15 peratus. Manakala, di peringkat sekolah menengah pula adalah sebanyak 1.21 peratus.

Pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh KPM untuk meningkatkan kadar penyertaan murid di sekolah dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Inisiatif Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas diwujudkan dengan tujuan menangani masalah keciciran di sekolah. Inisiatif ini terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Antara langkah yang diambil bagi mengurangkan kadar keciciran termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluas program-

program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KPM turut menyediakan pelbagai bantuan seperti pemberian buku teks secara percuma, Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah serta menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan untuk meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.

Mengambil kira perbezaan kebolehan dan kecenderungan murid di peringkat sekolah menengah, KPM turut menawarkan program yang berasaskan kemahiran bagi menangani isu keciciran dalam kalangan murid, antara program yang diperkenalkan ialah Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA), Program Diploma Vokasional Malaysia dan beberapa program kolaboratif dengan beberapa Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seperti GIATMARA dan WISDEC serta Program Perantisan Sistem Latihan Dual Negara (SLDN) dengan kerjasama *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) dan *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM).

Terkini, KPM telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat tingkatan 5 iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC ini telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pemantauan oleh pihak sekolah kepada murid berisiko cicir dapat dijalankan dan intervensi yang sesuai dapat diberikan kepada murid berisiko cicir.

Selain itu, GPMBC ini juga mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.